

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah hasil siasatan menyeluruh dan pelan tindakan berkenaan bagi membendung jenayah pengelakan cukai oleh rakyat Malaysia melalui akaun dan syarikat berdaftar luar pesisir akan dibentangkan di Parlimen memandangkan mereka yang tidak membayar cukai pernah dicop sebagai "pengkhianat" negara.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terus komited untuk memastikan kutipan hasil negara dilakukan dengan efisen. Ini termasuklah percukaian rentas sempadan khususnya melibatkan rakyat dan entiti milikan Malaysia supaya dikendalikan secara teratur serta mematuhi standard percukaian antarabangsa. Antara usaha yang dilakukan adalah penyertaan Malaysia dalam inisiatif yang diperkenalkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) berkaitan pertukaran maklumat berdasarkan permohonan (*Exchange of Information on Request* - EOIR) dan pertukaran maklumat secara automatik (*Automatic Exchange of Information* - AEOI). Menerusi EOIR dan AEOI, pertukaran maklumat berkaitan percukaian dilakukan secara berkala dan sistematik bersama-sama negara yang turut setuju untuk melaksanakan insiatif ini. Usaha ini tidak hanya meliputi aktiviti percukaian persisir (*on shore*), malah turut meliputi akaun dan syarikat berdaftar luar persisir (*off shore*).

Selain itu, pemantauan berkala terus dilakukan oleh pihak kawal selia dan pelaksana seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia bagi memastikan tidak berlaku kes pengelakan cukai serta aktiviti penggubahan wang haram. Kerajaan, menerusi LHDN juga terus menambahbaik mekanisme kutipan cukai serta mengurangkan jurang cukai (*tax gap*) bagi memastikan individu serta

syarikat yang layak dicukai melunaskan tanggungjawab mereka membayar cukai pada tahun taksiran berdasarkan jumlah yang ditetapkan.

Malaysia turut tidak ketinggalan dalam membangunkan aktiviti yang paling bersesuaian berdasarkan kedudukan nilai faedah berbanding (*comparative advantage*) sesuatu lokasi. Menyedari potensi Labuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah mengisyiharkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Persisir Antarabangsa (*International Offshore Financial Centre - IOFC*) pada Oktober 1990. Selaras dengan status berkenaan, fokus pembangunan Labuan adalah tertumpu kepada pembangunan sektor kewangan luar persisir, dan dalam masa yang sama memajukan pulau tersebut dan kawasan sekitarnya dalam aktiviti yang bersesuaian seperti sektor pelancongan. Kerajaan memantau dan mengawal selia aktiviti yang dilakukan di Labuan menerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Persisir Labuan (*Labuan Offshore Financial Services Authority - LOFSA*) bagi memastikan ianya selari dengan komitmen Malaysia dalam mematuhi standard percukaian antarabangsa.

Soalan No:118

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sebenarnya yang berlaku di SMK Pengkalan Chepa 1&2, SMK Kemumin dan SMK Kubang Kerman 3. Apakah punca histeria beramai-ramai dan bagaimana untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian histeria telah berlaku di SMK Kubang Krian 3 pada 14 April 2016. Manakala di SMK Pengkalan Chepa dan SMK Kemumin, pula berlaku pada 17 April 2016. Melalui ujian daripada pakar kesihatan mendapati murid-murid yang mengalami histeria berpunca daripada stress, anzieti dan kemurungan pada tahap teruk dan sangat teruk serta sentiasa berada dalam keadaan tertekan.

Antara langkah yang dilakukan oleh pihak sekolah bagi membendung kejadian histeria ini ialah;

1. Mengasingkan murid-murid yang mengalami gangguan dan menghubungi ibu bapa murid yang menjadi mangsa.

2. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan telah bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan mengadakan Program Pemugaran Emosi bermula 19 April 2016 hingga 27 April 2016.
3. Pihak sekolah berbincang serta mendapatkan pandangan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Komuniti bagi mengatasi masalah ini.

Pihak sekolah juga dicadangkan mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak mempunyai kepakaran seperti Ahli Agama, Pakar Psikiatri dan lain-lain bidang yang bersesuaian. Seterusnya menjalankan tindakan yang bersesuaian dengan pandangan pakar-pakar berkenaan.

SOALAN NO: 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Lim Kit Siang [GELANG PATAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa terdapat peningkatan mendadak 50% pada tahun 2015 kes kematian yang disebabkan oleh wabak Denggi serta nyatakan langkah siap sedia Kementerian untuk menghalang penularan virus Zika di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2014, terdapat 108,698 kes Denggi dan telah melibatkan 215 kes kematian. Manakala pada tahun 2015 pula, terdapat 120,836 kes Denggi dan 336 kes kematian. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 121 kes kematian iaitu 56.3%. Case fatality rate (CFR) bagi tahun 2014 adalah 0.20% dan 0.28% bagi tahun 2015. Jumlah kes kematian yang meningkat pada tahun 2015 adalah berkadar terus dengan jumlah kes yang tinggi. Merujuk kepada analisa KKM, lebih 60% kematian adalah disebabkan oleh komplikasi Denggi iaitu seperti *Dengue Shock Syndrome* dan *Multorgan Failure*. Bagi kematian yang melibatkan kegagalan organ, didapati 49% melibatkan organ hati (*liver*

impairment), 23% buah pinggang (renal impairment), 22% jantung (myocarditis) dan 6% melibatkan otak (encephalitis). Selain itu, malangnya bagi Denggi, masih belum ada rawatan khusus atau antivirus. Oleh itu, rawatan hanya untuk merawat simptom pesakit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk mencegah penularan virus Zika, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengedarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), persatuan hospital dan makmal swasta serta Persatuan Perubatan Malaysia pada 4 Februari 2016. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM bagi membendung penularan virus Zika adalah:-

- i. Meningkatkan pemantauan untuk jangkitan virus Zika;
- ii. Aktiviti kawalan bagi kes disyaki jangkitan virus Zika di tempat mereka tinggal semasa di negara ini. Kawalan vektor yang dilakukan adalah seperti kawalan wabak denggi;
- iii. Meningkatkan pemantauan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital;

- iv. Memberi pendidikan kesihatan bagi kes yang disyaki jangkitan virus Zika seperti cara melindungi diri dari gigitan nyamuk dan menggunakan repelen serta memakai pakaian yang bersesuaian; dan
- v. Mengeluarkan garis panduan pemantauan dan respons di pintu masuk serta mengedarkan Nasihat Kesihatan ("Health Advisory") kepada pelancong dan rakyat Malaysia berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya mempunyai gejala virus Zika.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai fasiliti sekolah yang tidak mempunyai kantin khususnya di Sarawak bertempat di Tasek Biru bagi anak-anak sekolah yang hendak membeli makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur sekolah yang kondusif untuk keselesaan murid termasuklah menyediakan kantin sekolah. Walau bagaimanapun terdapat juga sekolah yang tidak mempunyai kantin dalam kawasan sekolah terutama di Sekolah Kurang Murid. Bagi kawasan Tasik Biru, terdapat 14 sekolah yang kantinnya tidak beroperasi.

Perkara ini terjadi kerana tiada pengusaha kantin yang sanggup mengendalikan kantin tersebut kerana tidak menguntungkan malah boleh merugikan pengusaha. Oleh demikian, sekolah-sekolah seperti ini diminta mencari alternatif lain atau murid diminta membawa bekal dari rumah.

NO. SOALAN: 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9043

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos pemantauan media sosial yang dilakukan oleh pihak polis dalam Pilihan Raya DUN Sarawak ke-11. Nyatakan jumlah mengikut kategori kesalahan yang dibuka kertas siasatan dan dicadangkan pendakwaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa kempen Pilihan Raya Negeri Sarawak 2016 (PRN 11) yang bermula pada 25 April 2016 sehingga 7 Mei 2016, jumlah Kertas Siasatan yang dibuka oleh pihak polis adalah seperti berikut:-

KESALAHAN	JUMLAH
SEKSYEN 323 KK	1
SEKSYEN 427 KK	47
SEKSYEN 500 KK	6
SEKSYEN 435 KK	6
SEKSYEN 504 KK	1
SEKSYEN 379 KK	2
SEKSYEN 506 KK	2
SEKSYEN 507 KK	2
SEKSYEN 447 KK/160 KK	1
SEKSYEN 4A AKPR	1
SEKSYEN 24B (4) AKPR	3
SEKSYEN 11(1)(b) AKPR	6
SEKSYEN 24B (10) AKPR	2
SEKSYEN 24B(7) AKPR	1
SEKSYEN 7 AKL&TL	1
SEKSYEN 148/427 KK	1
SEKSYEN 448 KK	1
JUMLAH	84

Kertas-kertas siasatan ini akan disiapkan seberapa segera dan akan dikemukakan ke pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.

Pemantauan terhadap media sosial dalam pilihanraya DUN Sarawak ke 11, tidak melibatkan sebarang kos ditanggung memandangkan tugas berkenaan dilakukan melalui unit yang sedia ada dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu "*Police Cyber Investigation Responce Centre*" (PCIRC) yang merupakan unit di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Bukit Aman. Unit ini akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi menentukan pemilik sebenar akaun individu yang didapati melakukan kesalahan dalam media sosial sama ada disiasat.

NO. SOALAN: 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN (PADANG SERAI)

TARIKH : 24 MEI 2016

RUJUKAN : 9044

SOALAN :

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menurut keputusan International Parliamentary Union (IPU) pada 23/3/2016 yang berharap supaya pertuduhan-pertuduhan di bawah Akta Hasutan terhadap ahli-ahli parlimen Malaysia yang hanya mengkritik Kerajaan atau pentadbiran keadilan, digugurkan seperti di dalam kes Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius berhubung sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang bertindak mengeluarkan kenyataan berbaur hasutan. Tindakan sedemikian hanya akan mendedahkan negara kepada perpecahan yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam.

Berhubung pertuduhan-pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 terhadap ahli-ahli Parlimen sepihama yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Padang Serai, kesemua kes-kes tersebut masih lagi di dalam perbicaraan di mahkamah. Oleh itu, biarlah mahkamah sahaja yang menentukannya.

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, suka saya berpesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada hasutan. Kita tidak mahu keamanan dan kemakmuran yang dikehendaki selama ini musnah hanya disebabkan agenda peribadi semata-mata.